

## Ucapan penuh PM pada sidang akhbar khas di JPM, Putrajaya

UM - 1 NOV 2003

SIDANG akhbar khas Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali untuk mengucapkan terima kasih kepada rakyat di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Assalamualaikum wbt

Pada hari ini seperti mana semua pihak sedia maklum, saya akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dalam upacara yang akan diadakan di Istana Negara.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan, anggota Kabinet dan juga ahli-ahli parti politik yang telah memberi kerjasama kepada saya selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

Walaupun saya terpaksa menghadapi beberapa masalah tetapi semua dapat diatasi akhirnya dan ini adalah kerana sokongan dan bantuan daripada rakyat, pegawai-pegawai kerajaan termasuk polis, tentera dan lain-lain yang menjalankan tugas mereka sebagai profesional.

Mereka tidak menyebelahi mana-mana pihak sebaliknya memberi khidmat kepada kerajaan pilihan rakyat.

Ini adalah cara-cara kita di Malaysia iaitu apapun pendapat kita mungkin berlainan tetapi apabila menjalankan tugas, kita menjalankannya sebagai yang dikehendaki.

Saya juga mahu mengucapkan terima kasih kepada semua yang menghantar kad-kad ucapan terima kasih kepada saya dan isteri.

Saya tidak dapat menjawab satu persatu. Untuk itu

saya harap melalui saluran ini dapatlah saya menjawab kepada semua yang menghantar kad, sekolah-sekolah yang membuat kad besar dan menandatangani di atasnya, kain rentang dan sepanduk dan macam-macam lagi yang menyatakan ucapan terima kasih kepada saya kerana khidmat yang telah saya berikan selama 22 tahun.

Semua ini memberi kepuasan kepada hati saya kerana inilah balasan yang lebih besar daripada apa-apa yang lain iaitu penghargaan yang diberi dan ucapan terima kasih yang disampaikan.

Saya turut mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menghantar surat, kad dan macam-macam lagi cara kepada saya kerana tamatnya khidmat saya dalam kerajaan pada hari ini dan ucap selamat terhadap persaraan saya.

Saya berharap kerjasama yang telah diberi kepada saya ini dapat diteruskan kepada kepimpinan baru iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Kabinetnya, begitu juga kepada kerajaan supaya sama-sama dapat kita bangunkan negara ini untuk kesejahteraan hidup kita bersama.

Saya berdoa supaya semua rakyat Malaysia berada dalam keadaan sihat walafiat, dapat menikmati kemudahan dan kesejahteraan hidup.

Saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan dan pihak swasta yang telah bersama-sama menjayakan negara kita semasa saya menjadi Perdana Menteri.